



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (15)  
Tarikh : 9 April 2020

## KENYATAAN MEDIA

### KPKT SARAN PEMBERIAN MORATORIUM DAN BENARKAN PREMIS KREDIT KOMUNITI DAN PAJAK GADAI BEROPERASI

9 April 2020, PUTRAJAYA – Susulan dari pengumuman YAB Perdana Menteri mengenai Langkah Tambahan Bagi Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN-Tambahan) pada 6 April 2020, Kerajaan menyeru agar syarikat Kredit Komuniti memberikan moratorium kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Setelah berbincang dengan pihak Persatuan Pemberi Pinjaman Wang atau Kredit Komuniti, persatuan pajak gadai bersetuju memberi moratorium selama tiga (3) bulan dan Persatuan Peminjam Wang setuju mengecualikan caj kelewatan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Syarikat Kredit Komuniti juga adalah diingatkan supaya **TIDAK** mengenakan caj faedah melebihi yang ditetapkan dalam Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] iaitu sebanyak 12% bagi pinjaman bercagar dan 18% bagi pinjaman tidak bercagar kepada peminjam sepanjang tempoh PKP.

Dalam tempoh PKP ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima banyak pertanyaan daripada orang awam mengenai perkhidmatan Kredit Komuniti dan Pemegang Pajak Gadai melalui talian *Hotline* KPKT. Kerajaan dengan ini telah bersetuju agar **premis syarikat Kredit Komuniti dan Pemegang Pajak Gadai dibenarkan beroperasi selama 2 hari seminggu dan tempoh masa operasi adalah dihadkan kepada 9 pagi hingga 2 petang** sahaja.

Pihak syarikat perlu mematuhi arahan dan peraturan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] termasuklah mengamalkan penjarakkan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter, memakai topeng muka 3 lapis (*3-ply face mask*), menyediakan *hand sanitizer* kepada orang awam yang berurusan dan melakukan proses nyahkuman secara kerap di dalam premis (*disinfection*).

Dengan ini, saya selaku Menteri KPKT menyeru semua pihak yang terlibat agar prihatin dengan saranan Kementerian dan memberi kerjasama sepenuhnya terhadap setiap arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Orang awam dan syarikat PKS yang terlibat juga boleh mendapatkan maklumat mengenai perkara ini dan juga perkhidmatan KPKT yang lain di talian *Hotline* KPKT iaitu 03 8891 3975.

Sekian, terima kasih.

**YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin**  
**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)